

**Peranan utama Pemuda UMNO bantu parti rampas Kelantan**  
**Utusan Online**  
**Januari 14, 2012**  
**Oleh YULPISMAN ASLI**

KOTA BHARU 14 Jan. – Pemuda UMNO Kelantan diminta memainkan peranan utama membantu Barisan Nasional (BN) merampas negeri ini selain mengekalkan kemenangan dengan majoriti lebih besar di peringkat pusat.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, untuk itu Pemuda UMNO perlu bergerak lebih aktif mendekati golongan muda bagi menyedarkan mereka bahawa sokongan kepada pembangkang hanya memberi keuntungan kepada DAP.

Beliau berkata, rakyat juga perlu disedarkan dengan tindakan Pas Kelantan yang suka menabur janji seperti pemberian bantuan bulanan sebanyak RM100, pembinaan jambatan Palekbang dan Afta City, tetapi tidak ditunaikan walaupun sudah 22 tahun memerintah.

"Pemuda UMNO kena bela, bangkit, perjuang hak rakyat. Kita mahu Pemuda UMNO bangun dengan berani menegakkan hak rakyat Kelantan," katanya berucap sempena majlis pelancaran Gelombang Merah 2.0 Pemuda UMNO negeri di sini hari ini.

Dalam ucapan tersebut, Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri turut mengingatkan Pemuda UMNO di semua peringkat supaya mengukuhkan gerak kerja dan kerjasama sesama mereka bagi memastikan hasrat merampas negeri ini terlaksana.

"Pas sudah tersasar perjuangannya, kita kena perbetulkan keadaan. Perjuangan besar kita adalah untuk menyelamatkan bangsa dan negara daripada dihancurkan dengan memastikan kemenangan," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Mustapa mengakui masih belum berpuas hati dengan gerak kerja Pemuda UMNO dan mahu ia dimantapkan termasuk kerjasama dengan sayap parti yang lain dalam meraih sokongan golongan muda.

"Ada kelemahan yang perlu dibaiki, Pemuda UMNO harus main peranan di barisan hadapan mendampingi golongan muda," katanya.

Mengenai program parti beliau memberitahu, UMNO negeri dalam perancangan menjemput pemimpin negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin melawat negeri ini berkemungkinan Februari ini bagi menyuntik semangat kepada jentera parti supaya bergerak dengan lebih agresif.

"Kunjungan (Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri) akan dijadikan himpunan raksasa yang menunjukkan kekuatan UMNO Kelantan, beri semangat dan dorongan untuk kerja bersungguh-sungguh membawa perubahan," katanya. – UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0114&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_34.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0114&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_34.htm)